

## **Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022) Sebuah Filem Cerminan Ummah**

Fatimah Muhd Shukri

*Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan*

[fatimah.s@umk.edu.my](mailto:fatimah.s@umk.edu.my)

Nur Asfarina Ab Aziz

*Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan*

[asfarina.ab@umk.edu.my](mailto:asfarina.ab@umk.edu.my)

Mohd Saipuddin Suliman

*Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan*

[saipuddin.s@umk.edu.my](mailto:saipuddin.s@umk.edu.my)

### **ABSTRACT**

*Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (MKKP), a movie on the British occupation of Malaya, was shown on June 23, 2022. (2022). After 33 days of showings, this movie generated RM90 million in ticket sales, and it also stoked the nationalism that is prevalent today. This movie highlights the importance of history, nationality, and interethnic unity. Film is a vital tool for spreading ideas in the emerging digital age, as well as for bridging racial communication gaps. However, Malaysia remains unable to produce films that accurately portray its community or ummah. This study seeks an answer to the question, "Does MKKP film represent the oneness of the ummah?". The basic research study with a qualitative research design serves as the foundation for this paper. It is also used to gather information in print and digital form. Digital form data from MKKP films is analysed using content analysis. The five principles of the Theory of Satisfaction and Uses, developed by Katz, Gurevitch, and Haas, are applied in this work to the social and psychological demands that media users must satisfy. Overall, this article finds that MKKP films, whether in the production or filming process or the substance of the film, meet five principles for social and psychological demands that media users need to be addressed. According to the author's opinion, more attention is paid to the cognitive, affective, and social integrative needs among these five needs than to the integrative and stress-reduction needs. Due to the fact that the three wants are examined more thoroughly and have an effect on the audience by being seen by them when they watch in the theatre.*

**Keywords:** MKKP; Ummah; Nationalism; Race; Theory of Satisfaction and Uses.

### **ABSTRAK**

*Tanggal 23 Jun 2022, masyarakat Malaysia telah disajikan dengan sebuah filem mengenai pendudukan British di Tanah Melayu iaitu filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (MKKP) (2022). Filem ini telah mencetuskan fenomena iaitu dari segi kutipan tiket yang mencencah RM90juta selepas 33 hari tayangan dan telah merangsang semangat nasionalisme. Filem ini memaparkan nilai sejarah, nasionalisme dan perpaduan ummah. Dalam pembangunan era digital, filem memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej dan sebagai medium hubungan bagi merapatkan jurang antara kaum. Namun begitu, filem Malaysia yang mencerminkan ummah atau masyarakat Malaysia masih kurang dihasilkan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, timbulnya satu persoalan yang ingin dijawab dalam makalah ini iaitu, adakah filem MKKP memaparkan aspek perpaduan ummah?. Makalah ini bersandarkan kepada kajian penyelidikan asas dengan reka bentuk kajian kualitatif. Kajian perpustakaan turut diaplisasikan bagi mengumpul data dalam bentuk cetakan dan digital. Analisis kandungan diaplisasikan bagi menganalisis data bentuk digital yang diperoleh daripada filem MKKP. Makalah ini menerapkan lima panduan keperluan sosial dan psikologi yang perlu*

dipenuhi oleh pengguna media dalam Teori Kepuasan dan Kegunaan yang diperkenalkan oleh Katz, Gurevitch, dan Haas. Secara keseluruhannya, makalah ini merakamkan, lima panduan keperluan sosial dan psikologi yang perlu dipenuhi oleh pengguna media dan didapati terdapat dalam filem MKKP sama ada dalam proses produksi atau penggambaran mahupun kandungan filem tersebut. Berdasarkan penilaian peribadi pemakalah, antara lima keperluan ini, keperluan kognitif, afektif dan integratif sosial diteliti melebihi keperluan integratif dan keperluan mengurangkan tekanan. Hal ini kerana, tiga keperluan tersebut diteliti lebih menyerlah dan memberi impak kepada penonton dengan disaksikan sendiri semasa melakukan penontonan di panggung wayang.

**Kata Kunci:** MKKP; Ummah; Nasionalisme; Bangsa; Teori Kepuasan dan Kegunaan.

## PENGENALAN

Tanggal 23 Jun 2022, masyarakat Malaysia telah disajikan dengan sebuah filem biografi epik mengenai pendudukan British di Tanah Melayu iaitu filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* (ditulis sebagai MKKP selepas ini) (2022). Filem ini diarahkan oleh Mohd Syamsul bin Mohd Yusof atau lebih dikenali dengan nama Syamsul Yusof. Filem MKKP merupakan filem keluaran Studio Kembara dan Skop Productions Sdn. Bhd. Filem MKKP ini dibintangi oleh beberapa barisan pelakon terkenal antaranya Datuk Adi Putra, Beto Kusyairy, Fattah Amin, Wan Hanafi Su, Datuk Jalaluddin Hassan, Datuk Rahim Razali, Mubarak Majid, Shaharuddin Thamby, Namron, A. Galak, Ellie Suriaty, Khir Rahman dan pelakon Indonesia yang mencipta nama di *Hollywood* iaitu Yayan Ruhian (Bernama, 2022).

Gambar 1: Judul filem MKKP



(sumber: MKKP, 2022)

Filem MKKP telah berjaya menaikkan nama industri perfileman Malaysia. Kejayaan yang membanggakan yang diraih oleh filem ini antaranya adalah kutipan tiket berjumlah RM 97 juta, filem pecah panggung tertinggi bagi kategori filem tempatan dan antarabangsa selepas *Munafik 2* dan *Avengers: End Game* (RM 87 juta kutipan di Malaysia). Selain daripada itu, filem MKKP juga berjaya mendapat kedudukan pertama selama lima minggu berturut-turut dalam carta *box office* Malaysia dan dalam kedudukan carta *Top 10* di hampir 20 buah negara antaranya Singapura, Korea Selatan, Sweden, Romania, Arab Saudi, Oman, Filipina, Finland dan Greece (Zaidi, 2022; Bernama, 2022; Astro Awani, 2022).

Lebih menarik untuk dibincangkan, filem MKKP ini sarat dengan mesej berunsurkan patriotik dan nasionalisme. Antara mesej patriotik yang diangkat dalam kandungan filem MKKP adalah mutiara kata dalam dialog, kepimpinan berkualiti dan ketokohan watak yang tercatat dalam sejarah. Menurut Bilal Jailani seorang Pengkaji Filem, beliau menyatakan bahawa filem Mat Kilau telah menüpukan rasa bangga dan patriotisme dalam diri penonton Malaysia menerusi kata-kata mutiara yang diungkapkan dalam dialog yang menusuk kalbu dan

berunsur nasihat (Bilal dalam Bernama, 2022). Menurut Nisah Haron seorang penulis buku dan Sasterawan Muda pula berkata bahawa, filem Mat Kilau memaparkan kepimpinan yang berkualiti (Nisah dalam Bernama, 2022). Seterusnya, Abdul Rahman Dali iaitu penerbit filem MKKP pula menerangkan bahawa filem MKKP bertujuan mengangkat ketokohan watak yang tercatat dalam sejarah (Abdul dalam Bernama, 2022).

Pencapaian dan kandungan filem MKPP telah terbukti dalam memaparkan nilai sejarah, tokoh, nasionalisme dan semangat patriotisme. Selain daripada itu, filem MKKP ditonton oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira umur, bangsa dan agama. Ini juga menunjukkan bahawa dalam pembangunan era digital, filem bukan sekadar sebuah media hiburan malah, filem bertujuan untuk menyampaikan mesej dan sebagai medium hubungan bagi merapatkan jurang antara kaum apabila ia dikongsi oleh segenap lapisan masyarakat untuk sama-sama menonton filem tersebut. Namun begitu, filem Malaysia yang mencerminkan perpaduan ummah masih kurang dihasilkan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, timbulnya satu persoalan, iaitu adakah filem MKKP memaparkan perpaduan ummah?.

Bagi menjawab persoalan di atas, perbincangan lanjut akan diteruskan di bawah dengan meneliti kandungan filem MKKP. Penelitian ini akan bersandarkan kepada Teori Kepuasan dan Kegunaan yang diperkenalkan oleh Katz, Gurevitch, dan Haas. Justeru itu, bagi melaksanakan perbincangan ini, beberapa pecahan topik dan subtopik dilakukan.

## KAJIAN KESUSASTERAAN

Kajian kesusasteraan dibahagikan kepada dua subtopik iaitu pengaruh elemen perpaduan dalam pembangunan jati diri dan penyatuan ummah di dalam konteks filem. Sebelum membincangkan dua subtopik ini dengan lebih lanjut, maksud “perpaduan ummah” akan terlebih dahulu diterangkan di sini. Ummah mengikut Leha @ Zaleha (2004) membawa maksud “...semua rakyat yang menjadi warganegara bagi sesebuah negara.” Perpaduan ummah menurut Islam pula membawa maksud “Permuafakatan rakyat pada usaha untuk sama-sama membangun dan mengekalkan keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran negara.” (Leha @ Zaleha, 2004). Justeru itu, ingin kami rumuskan di sini bahawa “perpaduan ummah” yang diertikan di dalam makalah ini adalah komuniti masyarakat Malaysia tanpa mengira kaum, bangsa atau ras yang bersama-sama dalam menjaga keharmonian, keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran negara. Oleh itu, bersandarkan kepada maksud “perpaduan ummah” dalam makalah ini, kajian literatur bagi dua subtopik yang dinyatakan di atas diperincikan di bawah.

### Pengaruh Elemen Perpaduan Dalam Pembangunan Jati Diri

Isu keretakan perpaduan dan perkauman di Malaysia bukanlah sesuatu yang baharu untuk diperdebatkan malahan pelbagai usaha telah diambil bagi mengurangkan jurang perselisihan antara ummah. Razid (2017) berpendapat negara Malaysia adalah sebuah negara *heterogeny* (pelbagai) yang terdiri daripada pelbagai jenis etnik, agama, asal usul tetapi melalui perpaduan ianya mampu menyemarakkan kesedaran nasional.

Pembikin filem di Malaysia kini menggunakan filem sebagai salah satu wadah untuk menyampaikan propaganda bersifat semangat patriotik dalam usaha menyatukan masyarakat yang berbilang bangsa. Ini selari dengan cadangan pembikin filem yang menekankan kepentingan keharmonian antara kaum serta sifat simpati sebagai tunjang utama kepada keutuhan bangsa yang terdiri daripada pelbagai budaya dan etnik seperti di Malaysia (Deraman & Razak, 2018). Antara filem yang pernah dihasilkan di Malaysia bertemakan perpaduan

adalah seperti *Paloh* (2003), *Muallaf* (2008), *Talentime* (2009), *Setem* (2009), *Estet* (2010), dan *Ola Bola* (2016).

Filem yang mengintegrasikan elemen perpaduan sebegini bertujuan mendidik rakyat Malaysia untuk hidup secara harmoni di bawah satu bumbung sebagai satu bangsa yang saling melengkapi. Shariff, Sualman & AdiIrawan (2013) pula berpendapat penonton akan terdidik dan termotivasi untuk menerima dan menyesuaikan diri dengan perbezaan bangsa, agama, sentimen politik serta perkauman sekiranya isu sedemikian dikupas di dalam filem.

Elemen perpaduan ini seharusnya mencari titik persamaan antara manusia yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan berbeza kepercayaan. Dari situ akan terhasilnya ummah yang bersatu padu serta mampu hidup dalam suasana harmoni meskipun berbeza dalam pelbagai aspek. Oleh hal yang demikian, makalah ini khusus dalam membincangkan aspek perpaduan ummah dalam kandungan filem MKKP dengan bersandarkan kepada Teori Kepuasan dan Kegunaan.

### **Penyatuan Ummah di dalam Konteks Filem**

Filem merupakan simbol perpaduan yang berpotensi untuk menyatupadukan penonton (Shariff, Sualman & AdiIrawan, 2013). Filem yang memperkenalkan barisan pelakon daripada pelbagai kaum dilihat sebagai salah satu usaha untuk memupuk perpaduan antara kaum berbilang bangsa di Malaysia. Pelakon dan pengarah terkenal Malaysia, Allahyarham Tan Sri P.Ramlee yang terkenal dengan filem beliau yang mencuit hati diangkat sebagai pelopor kepada usaha dalam menyatupadukan pelakon berbilang bangsa seperti kaum Melayu, Cina dan India untuk terlibat sama dalam penghasilan filem di bawah arahan beliau sebagai contoh *Pendekar Bujang Lapok* (1959).

Usaha ini merupakan satu promosi kepada perpaduan nasional khususnya di negara Malaysia. Menurut Adnan (1988), kerajaan Malaysia mulai menilai filem sebagai satu wadah dalam memupuk identiti dan penyatuan nasional. Ini terbukti melalui penghasilan filem yang berkisar kepada elemen perjuangan dan perpaduan yang bukan sekadar berjaya mengutip pulangan yang lumayan malahan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap penonton seperti filem MKKP.

Pengarah filem Allahyarham Mamat Khalid turut mencadangkan agar pembikin filem di Malaysia menghasilkan lebih banyak filem berkisarkan isu perkauman (Umi, 2017). Hal ini disebabkan mesej perpaduan kelihatan lebih kritikal dan penonton akan lebih menghargai kepentingan penyatupaduan antara ummah. Ini kerana beliau melihat filem yang bersifat perpaduan semata kurang berjaya menarik minat sesetengah golongan kaum seperti filem arahan Allahyarham Yasmin Ahmad. Kaum Melayu dilihat memprotes kandungan filem arahan beliau seperti *Sepet* (2005) dan *Gubra* (2006) akan tetapi berjaya menarik minat dan perhatian kaum Cina dan India.

Kajian tentang penyatuan ummah telah dilaksanakan oleh sarjana-sarjana terdahulu. Selain daripada itu, konsep perpaduan ummah telahpun disajikan dalam beberapa kandungan filem Malaysia dan telah dipaparkan kepada khalayak. Walau bagaimanapun, filem MKKP merupakan filem yang diterbitkan pada tahun 2022 yang memaparkan tentang perpaduan ummah (kaum Melayu). dan konteks perpaduan ummah dalam filem ini masih belum dibincangkan.

### **METODOLOGI**

Makalah ini bersandarkan kepada kajian jenis penyelidikan asas dengan reka bentuk kajian kualitatif. Kajian kepustakaan turut diaplikasikan bagi menggumpul data sekunder dalam bentuk cetakan seperti buku, tesis, majalah dan akhbar. Manakala dalam bentuk digital pula

seperti artikel digital, akhbar digital, tesis digital dan portal-portal yang mempunyai autoriti. Data primer pula adalah dalam bentuk digital iaitu menerusi kandungan filem MKKP. Analisis kandungan diaplikasikan sebagai instrumen kajian bagi menganalisis kandungan filem MKKP. Analisis kandungan yang dijalankan menerusi filem MKKP adalah bersifat peribadi. Pemakalah yang merupakan salah seorang penonton filem MKKP menjadi individu yang menilai dan menganalisis naratif filem MKKP. Sehubungan dengan itu Teori Kepuasan Dan Kegunaan diaplikasikan berdasarkan pengalaman peribadi pemakalah selepas menonton filem MKKP. Selain daripada itu, sumber sekunder menjadi sokongan kepada pandangan peribadi pemakalah dalam menilai filem MKKP.

Makalah ini menerapkan Teori Kepuasan Dan Kegunaan yang diperkenalkan oleh Katz, Gurevitch, dan Haas pada tahun 1973-1974. Teori ini amat berkait rapat dengan media dan mempunyai objektif dalam menerangkan kepuasan para audien. Teori ini memperkenalkan lima panduan keperluan sosial dan psikologi yang perlu dipenuhi oleh pengguna media. Lima panduan keperluan sosial dan psikologi yang perlu dipenuhi oleh pengguna media ini akan diperincikan seperti di bawah:

### **Keperluan Kognitif**

Keperluan kognitif atau keperluan untuk memperoleh maklumat dan pengetahuan bagi meningkatkan pemahaman. Keperluan kognitif akan diteliti dalam keseluruhan kandungan filem MKKP. Persoalan seperti siapa Mat Kilau dalam filem MKKP? Siapakah tokoh-tokoh lain yang terlibat dalam filem tersebut? Dan bagaimana naratif filem MKKP menceritakan kembali tokoh-tokoh ini dalam bentuk kandungan filem untuk difahami oleh penonton yang memilih untuk menonton filem ini?

### **Keperluan Afektif**

Keperluan afektif atau keperluan untuk mempunyai pengalaman estetik atau emosi. Bagi keperluan efektif, persoalan seperti adakah naratif filem MKKP berjaya dalam memberi sentuhan emosi dan juga pengalaman estetika kepada penonton? Persoalan ini diteliti berdasarkan pengalaman peribadi penonton semasa menonton filem MKKP. Selain itu, visual dan dialog dalam filem MKKP juga boleh mengusik emosi penonton. Oleh itu, keperluan afektif lebih tertumpu kepada emosi seorang penonton.

### **Keperluan Integratif**

Keperluan integratif atau keperluan untuk mengukuhkan keyakinan, status atau kredibiliti. Keperluan ini mempunyai komponen kognitif dan afektif. Bagi meneliti keperluan integratif, ia diukur kepada bagaimana naratif filem MKKP mencerminkan tokoh sehingga mampu menimbulkan keyakinan, status dan kredibiliti watak-watak kepada penonton yang menonton filem MKKP?

### **Keperluan Integratif Sosial**

Keperluan integratif sosial atau keperluan untuk mengukuhkan hubungan dengan rakan dan keluarga. Bagi keperluan ini, pertama ia diteliti dan dinilai kepada krew produksi yang bersama-sama dalam menjayakan penggambaran filem MKKP. Kedua, ia juga dinilai dan diteliti berdasarkan siapa penonton yang datang untuk menonton filem MKKP ini? Dua perkara ini menjadi aspek untuk meneliti dan membincangkan keperluan integratif sosial dalam filem MKKP.

## **Keperluan Mengurangkan Tekanan**

Keperluan mengurangkan ketegangan atau keperluan untuk berehat. Keperluan ini merupakan suatu keperluan yang dicari oleh penonton semasa memilih karya filem yang ingin ditonton. Oleh itu, bagi meneliti keperluan mengurangkan tekanan, ia bersangkutan dengan keperluan integratif sosial. Persoalan yang ditanya dalam keperluan mengurangkan tekanan adalah adakah dengan menonton filem ini mengurangkan tekanan kepada penonton? Adakah filem MKKP memberi impak baik selepas selesai menonton filem MKKP? Penilaian keperluan mengurangkan tekanan juga lebih kepada penilaian peribadi pemakalah yang menonton filem MKKP ini.

## **PERBINCANGAN KANDUNGAN FILEM MKKP (2022)**

Perbincangan kandungan filem MKKP dibahagikan kepada lima subtopik berdasarkan lima panduan keperluan sosial dan psikologi yang perlu dipenuhi oleh pengguna media. Sehubungan dengan itu, di bawah merupakan perbincangan lanjut kandungan filem MKKP bersandarkan kepada Teori Kepuasan Dan Kegunaan, lima panduan keperluan sosial dan psikologi yang perlu dipenuhi oleh pengguna media.

Filem MKKP berinspirasikan watak dan kisah kepahlawanan Mat Kilau atau nama sebenarnya Mat Kilau bin Imam Rasu yang dibintangi oleh Dato Adi Putra. Filem ini merupakan filem fiksyen semata-mata. Babak filem MKKP dimulakan dengan suasana kampung di Kuala Tembeling dan kelihatan penduduknya sedang menjalankan masing-masing di bendang padi. Kemunculan orang-orang British telah mengganggu-gugat keamanan penduduk kampung dan British datang untuk menangkap tiga pemuda yang dikatakan sebagai pemberontak. Lalu berlaku pertikaman lidah dan menyebabkan British bertindak membunuh semua penduduk kampung yang berada di bendang padi tersebut. Peristiwa ini menjadi titik penolak naratif filem MKKP dan menyebabkan pembesar-pembesar Pahang sepakat untuk menentang British. Di sinilah Mat Kilau dan rakan-rakannya memainkan peranan sebagai pahlawan yang menentang kekejaman British. Filem diakhiri dengan kemenangan di pihak Melayu dengan pembunuhan pembesar British dalam naratif MKKP.

Gambar 2: Babak pertama di bendang padi merupakan merupakan pembukaan filem MKKP



(sumber: filem MKKP, 2022)

## **Keperluan Kognitif**

Berdasarkan visual dan dialog yang diungkapkan dalam naratif filem MKKP, penonton diperkenalkan dengan beberapa tokoh pahlawan di Pahang. Antara tokoh-tokoh yang diperkenalkan dalam naratif filem tersebut adalah Dato Raja Haji Muhamad, Mufti Botok Haji Uthman, Tok Gajah, Dato' Bahaman dan Haji Sulong Semantan yang merupakan pembesar-pembesar negeri Pahang. Menurut penulis asal skrip filem MKKP, 60% daripada naratif

tersebut adalah diangkat daripada kisah benar (Abdul dalam Bernama, 2022). Walaupun filem MKKP adalah filem fiksyen, namun sebahagiannya adalah berdasarkan fakta sebenar.

### **Keperluan Afektif**

Menerusi visual dan dialog MKKP, terdapat banyak visual dan dialog yang mengusik emosi penonton. Antaranya adalah, pada minit ke 00:03:40 sehingga minit ke 00:03:54, Salmah (dibintangi oleh Ellie Suriaty Omar) mengungkapkan satu dialog kepada British selepas pihak British iaitu pembunuh upahan British membunuh dengan menikam suaminya. Dialog tersebut berbunyi:

“Tidak ada istilah orang Melayu memberontak di bumi sendiri, kami mempertahankan hak. Kamu datang ke tanah kami untuk merompak hasil bumi kami.” (Salmah, MKKP, 2022).

Seterusnya, Salmah menambah lagi dengan mengungkap dialog:

“Demi Allah, demi Rasullullah, aku berpijak di bumi Pahang ini di bawah langit Allah yang aku junjung, kamu.., kamu.., kamu.., akan menyaksikan kebangkitan orang Melayu menentang kekejaman penjajah orang Putih.” (Salmah, 00:04:18 – 00:04:41, MKKP, 2022).

Disusuri dialog di atas, lalu pembesar British menembak mati Salmah. Perkara ini menyebabkan orang-orang kampung yang berada di tempat kejadian bangkit melawan. Terjadilah kejadian pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan oleh pihak British. Semua yang berada di tempat kejadian, orang tua, wanita dan kanak-kanak tidak dilepaskan dan semunya telah dibunuh oleh British.

Gambar 3: Penduduk kampung yang dikumpulkan di bendang sawah padi



(sumber: MKKP, 2022)

Gambar 4: Salmah ditembak selepas selesai mengungkapkan dialog pada minit 00:04:18 – 00:04:41



(sumber: MKKP, 2022)

Selain daripada itu, krew produksi yang terlibat berpeluang melihat sendiri suasana penuh emosi perjuangan Mat Kilau yang penuh tragis bersulam emosi walaupun hanya di set penggambaran. Antara babak lain yang tragis adalah kematian Rokiah isteri kepada Wahid rakan seperjuangan Mat Kilau yang sama-sama menentang British.

Gambar 5: Rokiah isteri Wahid yang sarat mengandung diseksa sebelum dibunuh



(sumber: MKKP, 2022)

Gambar 6: Wahid ditahan oleh Mat Kilau yang telah menyaksikan kematian isterinya Rokiah di tangan British



(sumber: MKKP, 2022)

Pengalaman estetik ini dapat menyuburkan semangat cintakan tanah air dan memutik tunas kemanusiaan serta penyatuan ummah. Penonton juga berpeluang menyelusuri pengalaman penuh emosi perjuangan tokoh negeri Pahang hingga ada yang memakai pakaian tradisional Melayu seperti Kebaya dan lelaki memakai pakaian silat dan tanjak sewaktu ke panggung wayang atas kapasiti kesatuan ummah serta mengapresiasi nilai estetik dan kemanusiaan.

### **Keperluan Integratif**

Bagi keperluan integratif, naratif filem MKKP cuba menonjolkan dan mencerminkan kisah kepahlawanan dan kehebatan Mat Kilau dalam melawan penjajahan British. Dari sudut kepahlawanan, filem MKKP dipenuhi dengan adegan seni silat yang dipersembahkan oleh Mat Kilau dan rakan-rakannya. Sementara itu, penjajah British pula berlawan dengan menggunakan peralatan canggih pada zaman tersebut seperti senapang dan meriam untuk melawan kemaraan Mat Kilau dan rakan seperjuangannya. Cerminan kepahlawanan ini mampu menerapkan sifat yakin akan status dan kredibiliti Mat Kilau sebagai seorang pahlawan yang menentang kuasa British.

Pada peringkat ini juga, krew produksi cuba sedaya mungkin untuk berkongsi kemahiran masing-masing dan saling bantu-membantu tidak mengira kaum bagi mengukuhkan kayakinan bahawa filem Mat Kilau ini mampu mengubah landskap profileman tanah air.

Keyakinan para penonton semakin bercambah apabila pihak Kerajaan dan NGO turut sama menyokong penyayangan filem ini. Semestinya kredibiliti dan impak filem ini sukar dipertikaikan walaupun hakikatnya tidak semua penciptaan itu sempurna. Sesungguhnya perbezaan pendapati itu satu rahmat dan wajar diraikan.

### **Keperluan Integratif Sosial**

Pembikinan filem MKKP melibatkan pelbagai etnik di Malaysia. Entik Melayu, Cina dan India didapati bersama-sama dalam membangunkan produksi filem MKKP. Etnik Melayu diangkat sebagai perwira dalam filem MKKP manakala, etnik Cina dipilih sebagai pelakon sampingan yang bekerja di lombong emas, manakala etnik India, Punjabi sebagai tentera British.

Gambar 7: Etnik Cina sebagai pelakon sampingan yang bekerja di lombong emas



(sumber: MKKP, 2022)

Gambar 8: Etnik India, Punjabi, sebagai tentera British



(sumber: MKKP, 2022).

Penyatuan krew produksi amat penting dalam menjayakan sesbuah produksi filem. Dalam konteks filem MKKP, babak siang dan malam dilihat seimbang dan sama banyak. Justeru, krew produksi bersatu hati bersengkang mata demi mencapai matlamat untuk melahirkan buah tangan berunsur sejarah ini. Semestinya gratifikasi (ganjaran) akan diperolehi setara dengan usaha masing-masing.

Selain itu, penonton juga terdiri daripada keluarga, sahabat dan pelbagai etnik Malaysia. Mereka bersama-sama dalam sebuah panggung wayang menyaksikan filem MKKP ini. Hal ini telah disaksikan sendiri oleh pemakalah. Pemakalah sempat menyaksikan terdapat beberapa buah keluarga membawa seluruh keluarganya untuk manyaksikan filem MKKP ini. Terdapat juga penonton daripada pelbagai etnik Malaysia datang menyaksikan filem MKKP. Detik sebegini merupakan waktu terbaik untuk berkumpul sahabat taulan dan ahli keluarga bagi menonton kisah sejarah ini. Penyatuan ini wajar diteruskan pada masa akan datang agar wujud penyatuan ummah dan tema Keluarga Malaysia yang harmoni dan cintakan tanah air dapat direalisasikan.

## **Keperluan Mengurangkan Tekanan**

Krew produksi dapat menarik nafas panjang dan tersenyum dengan sambutan filem MKKP ini. Gratifikasi daripada pihak penerbit pasti akan menyusul dan kesemua krew tidak kira bangsa dan agama akan mendapat habuan masing-masing dan dikesempatan ini mereka wajar berehat menghilangkan keluh lelah sewaktu penggambaran tempoh hari.

Sesungguhnya filem merupakan wadah cerminan masyarakat. Sekiranya kita ingin melihat milieu sesuatu masyarakat, maka tontonlah filem. Namun, usah terlalu rigid dalam mengatur mainan fakta berikutan produk filem bukanlah seperti kajian tesis Ph.D yang memerlukan rujukan, kesahan dan sebagainya. Cukup sekadar mengapresiasi jalan penceritaan sesebuah filem dan pada masa yang sama merehatkan cakerawala minda setelah penat seharian mengayuh hidup.

## **RUMUSAN DAN KESIMPULAN**

Pemaparan kandungan ummah menerusi filem Malaysia merupakan suatu konsep yang perlu dirangkul oleh masyarakat Malaysia. Berdasarkan analisis filem MKKP, lima panduan keperluan sosial dan psikologi yang perlu dipenuhi oleh pengguna media telah disajikan kepada penonton dan krew produksi. Kesemua lima panduan keperluan ini iaitu keperluan kognitif, keperluan afektif, keperluan integratif, keperluan integratif sosial dan keperluan mengurangkan tekanan memenuhi keperluan penonton.

Berdasarkan penilaian peribadi pemakalah, dalam kelima-lima keperluan ini, keperluan kognitif, afektif dan integratif sosial diteliti melebihi keperluan integratif dan keperluan mengurangkan tekanan. Hal ini kerana, tiga keperluan tersebut diteliti lebih menyerlah dan memberi impak kepada penonton dengan disaksikan sendiri semasa melakukan penontonan di panggung wayang. Pemakalah dapat mendengar bisikan, esakan daripada para penonton dan panggung wayang yang dipenuhi dengan ahli keluarga masing-masing.

Pemakalah sendiri turut merasakan keperluan kognitif, afektif dan integratif sosial dalam memilih filem MKKP sebagai wadah hiburan dan ilmu. Filem yang berkisar semangat patriotik dilihat penting dalam menyemarakkan semangat penyatuan sebelum ianya hilang ditelan arus kemodenan (Deraman & Razak, 2018). Sehubungan dengan itu, garapan pengisian dalam filem MKKP yang sarat dengan nilai sejarah serta perjuangan pahlawan Melayu pada zaman penjajahan British di Pahang diteliti sebagai satu usaha yang jitu dalam menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa.

## **RUJUKAN**

- Adnan, M. H. (1988). Malaysian Films: Survival or Revival. *Media Asia*, Vol. 15, no 3. pp.155&156.
- Bernama. (2022, Jun 22). Filem Mat Kilau sarat dengan mesej patriotisme. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/filem-mat-kilau-sarat-dengan-mesej-patriotisme-367608>.
- Bernama. (2022, Julai 25). Kutipan filem Mat Kilau cecah RM90 juta selepas 33 hari tayangan. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/212939/berita/nasional/kutipan-filem-mat-kilau-cecah-rm90-juta-selepas-33-hari-tayangan>.
- Deraman, N. A., & Razak, F. H. (2018). A Study of Unity and Patriotism Elements in Film Ola Bola: A Thematic Analysis. *Journal of Media and Information Warfare*.

- Elliott, P. (1974). Uses and gratifications research: A critique and a sociological alternative. In J. G. Blumler & E. Katz (Eds.), *The uses of mass communications: Current perspectives on gratifications research* (pp. 249–268). Beverly Hills, CA: Sage.
- Jumrah, M. H. (2019). Multiethnic Audiences Interpretation of National Identity in Malaysia Through ALternative Film of Nasi Lemak 2.0. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*. Vol. 6 Special Issue 2.
- Leha @ Zaleha Muhamat. (2004.) perpaduan Ummah Menurut Kacamata Islam. Kertas kerja dalam seminar Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM), 27-29 Februari 2004, di Eagle Bay Resort Resort, Pulau Langkawi, Kedah <http://dspace.unimap.edu.my/xmlui/bitstream/handle/123456789/6428/Perpaduan%20Ummah%20Menurut%20Kacamata%20Islam.pdf?sequence=1&isAllowed=y>.
- Mat Kilau masuk senarai 'Top 10' dilebih 15 buah negara, tangga keempat di Israel. (2022, September 23). *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/mat-kilau-masuk-senarai-top-10-di-lebih-15-buah-negara-tangga-keempat-di-israel-382486>.
- Palmgreen, P. (1984). Uses and gratifications: A theoretical perspective. In R. Bostrom (Ed.), *Communication Yearbook 8* (pp. 20–55). Beverly Hills, CA: Sage.
- Razid, M. A. (2017). Patriotisme Nilai Jati Diri Dorong Rakyat Gigih Bangunkan Negara. Dlm. Ariah Judah. Mentari. Bil 2. Putrajaya: Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia.
- Rosengren, K. E. (1974). Uses and gratifications: A paradigm outlined. In J. G. Blumler & E. Katz (Eds.), *The uses of mass communications: Current perspectives on gratifications research* (pp. 269–286). Beverly Hills, CA: Sage.
- Rubin, A. M. (1994b). Media uses and effects: A uses and gratifications perspective. In J. Bryant & D. Zillmann (Eds.), *Media effects: Advances in theory and research* (pp. 417–436). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Shariff, S. Z., Sualman, I., & AdiIrawan, E. D. (2013). Fostering Unity Among Malaysians: A Case Study on the Local Film Industry. *International Journal of Humanities and Social Science*. Vol. 3 No. 10.
- Swanson, D. L. (1987). Gratification seeking, media exposure, and audience interpretations. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 31, 237–254.
- Umi Atikah Mohd Kamil. (2017). Kritikan Sosial Filem Talentime (2009). Kertas Penyelidikan Ijazah Sarjana Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zaidi Mohamad. (2022, Julai 25). Diangkat hero semula selepas fenomena Mat Kilau. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2022/07/980187/diangkat-hero-semula-selepas-fenomena-mat-kilau>.